



**ALBUM: Pengerusi SEAP2024 bersama penceramah jemputan daripada Indonesia dan Filipina di pembukaan sesi pembentangan.**

## Persidangan Psikologi Asia Tenggara UMS kukuhkan jaringan profesional UB 25.10.2024 P.04

**KOTA KINABALU:** Fakulti Psikologi dan Kerja Sosial (FPKS) Universiti Malaysia Sabah (UMS) telah mengajurkan persidangan The 4th Southeast Asia Psychology Conference 2024 (SEAP2024), baru-baru ini.

Pengarah persidangan, Profesor Dr. Murnizam Hj. Halik berkata program tersebut antara lain bertujuan membincangkan peranan psikologi dalam membantu masyarakat menyesuaikan diri dan be-

radaptasi terhadap cabaran kesan kemajuan teknologi.

Selain itu, ia menyediakan platform kerjasama bersama negara-negara Asia Tenggara dengan mengalakkan perkongsian intelektual merentasi disiplin.

Persidangan itu bertemakan ‘Psikologi dan Masyarakat: Trend dan Arah Masa Depan’.

“Ia memartabatkan psikologi sebagai salah satu bidang dalam profesion menolong,

selain kaunseling dan kerja sosial membantu masyarakat dalam menangani cabaran masa kini dan membentuk masa depan komuniti yang sihat,” katanya dalam satu kenyataan, di sini.

Murnizam berkata seramai 187 peserta dari dalam dan luar negara menyertai persidangan berkenaan.

Persidangan SEAP2024 juga menjemput enam penceramah dari United Kingdom (UK), Indonesia, Filipina

dan Malaysia untuk memberi ucaptama.

“Saya ingin merakamkan setinggi-tinggi penghargaan kepada semua peserta, penceramah dan ahli jawatankuasa dalam menjayakan persidangan SEAP2024 serta membina rangkaian profesional dan perkembangan ilmu dalam psikologi.

“Semoga persidangan ini bermanfaat dan memberi inspirasi kepada kita semua,” katanya.